



**FACULTY OF LIBERAL ARTS**

**FINAL EXAMINATION**

Student ID (in Figures) : 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : \_\_\_\_\_

Subject Code & Name : **MPU2132 Bahasa Melayu Komunikasi 1**  
 Semester & Year : January – April 2017  
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain  
 Duration : 2 Hours

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

1. This question paper consists of 2 parts:
  - PART A (30 marks) : 30 multiple choice questions. Answers are to be shaded in the Multiple Choice Answer Sheet provided.**
  - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Pemahaman Teks  
SOALAN 2 – Tatabahasa  
SOALAN 3 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)**
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

**WARNING:** The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College of Hospitality regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College of Hospitality.

**Total Number of pages = 11 (Including the cover page)**

**BAHAGIAN B : SOALAN SUBJEKTIF (70 MARKAH)**  
**ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.**

---

**SOALAN 1 – PEMAHAMAN TEKS (20 markah)**

**Petikan (i)**

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Nama saya Jefri. Saya ada seorang kawan baik sejak dari sekolah lagi. Kami berdua mempunyai cita-cita yang sama iaitu menjadi doktor. Nama kawan saya ialah Muhammad Amin. Dia berumur 24 tahun. Dia berasal dari Perak. Sekarang, dia belajar di Universiti Al-Azhar Mesir dalam bidang perubatan. Hobinya membaca buku dan menulis. Pada masa lapang, dia akan bermain bola sepak. Ketika kami berdua berumur 15 tahun, kami selalu pergi memancing ikan bersama-sama. Muhammad Amin seorang yang penyabar. Dia juga seorang yang baik hati dan peramah. Jika saya dalam kesusahan, dia akan sentiasa memberikan pertolongan. Kami berdua masih lagi berkawan baik sehingga sekarang.

1. Siapakah kawan baik Jefri? **(2 markah)**
2. Apakah cita-cita Jefri? **(2 markah)**
3. Berikan **DUA (2)** hobi kawan baik Jefri. **(2 markah)**
4. Berdasarkan petikan di atas, berikan **DUA (2)** sikap positif yang boleh dicontohi. **(4 markah)**

**Petikan (ii)**

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.*

Nama saya Prem Khanna. Saya belajar di Kolej Universiti Berjaya, Berjaya Times Square, Kuala Lumpur. Kolej saya sangat moden dan selesa. Terdapat pelbagai fakulti seperti fakulti bahasa, bisnes, hospitaliti dan lain-lain lagi. Pusat Maklumat di kolej saya menggunakan teknologi terkini. Terdapat banyak buku rujukan di perpustakaan. Saya dan kawan-kawan akan pergi ke Pusat Maklumat untuk menyiapkan tugas. Kami juga akan pergi ke perpustakaan untuk meminjam buku dan berbincang hal pelajaran. Kemudahan di kolej ini sangat banyak kerana kolej ini terletak di atas pusat beli-belah. Terdapat banyak restoran, kedai alat tulis, kedai pakaian, kedai kasut dan sebagainya. Saya suka belajar di sini kerana staf-staf di sini begitu baik dan sangat mengambil berat hal pelajar. Saya berjanji akan belajar dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan.

1. Apakah nama kolej yang terdapat dalam petikan di atas? **(2 markah)**
2. Apakah **DUA (2)** perkara yang dilakukan oleh Prem Khanna di perpustakaan? **(4 markah)**
3. Berdasarkan petikan di atas, nyatakan **EMPAT (4)** kemudahan yang terdapat di kolej tersebut? **(4 markah)**

## **SOALAN 2 – TATABAHASA (30 markah)**

*Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.*

(a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini.

- I. berenang
- II. bersenam
- III. melukis
- IV. membasuh
- V. bermain

**(10 markah)**

(b) Terjemahkan petikan berikut ke bahasa Melayu.

Rohaya wants to buy a few things for the house. She wants to buy rice, sugar and salt. She also wants to buy some vegetables and fish. When she goes to the grocery shop, the worker helps her to choose some fresh vegetables and fish. After choosing the goods, she wants to pay. The cost is only RM51. She gets RM1 discount. This is because she is the first customer for that day. Rohaya thanks the grocer. She promises to come back to that shop to buy groceries.

**(20 markah)**

**SOALAN 3– KARANGAN (20 MARKAH)**

Bahagian ini terdiri daripada **DUA (2)** soalan. Jawab **SATU (1)** soalan sahaja. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 100 patah perkataan**.

1. Ceritakan mengenai kawan sebilik anda.

**ATAU**

2. Tuliskan mengenai satu tempat menarik di Malaysia yang anda tahu.

**SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT**